

Kempen DuitNow

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan Kempen DuitNow ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Promosi DuitNow yang boleh didapati di <https://duitnow.my/>

1. Kempen "DuitNow" ("Kempen") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) ("CIMB Bank") dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) ("CIMB Islamic Bank"). Setiap sebutan "CIMB" merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.

Tempoh Kempen

2. Kempen DuitNow akan berlangsung dari jam 00:00 (GMT+8) pada 8 Januari 2019 hingga jam 23:59 (GMT+8) pada 31 Mei 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB berhak memberi notis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh luput Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Kempen ini terbuka kepada pelanggan CIMB Clicks yang mendaftarkan ID DuitNow mereka ke akaun simpanan atau akaun semasa dengan CIMB, kecuali kategori orang yang disenaraikan dalam Klausula 5. (selepas ini dirujuk sebagai "**Peserta Yang Layak**")
5. Kategori orang/entiti yang berikut adalah TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap, kontrak dan/atau sambilan CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat yang berkaitannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami isteri, anak-anak, ibu-bapa, adik-beradik); dan/atau
 - (ii) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, vendor-vendor pihak ke-3 dan pembekal perkhidmatan) CIMB (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat yang berkaitannya) dan pekerja-pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak mereka dan ahli keluarga terdekat mereka (iaitu suami isteri, anak-anak, ibu-bapa, adik-beradik); dan/atau
 - (iii) Pelanggan yang memegang mana-mana akaun simpanan/semasa dengan CIMB yang ditamatkan, digantung, dibatalkan atau tidak aktif dalam Tempoh Kempen TIDAK akan layak; dan/atau
 - (iv) Pelanggan yang memegang sebarang akaun dengan CIMB yang delinkuen atau tidak berada dalam kedudukan yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya adalah TIDAK layak; dan/atau
 - (v) Pelanggan-pelanggan yang diisytiharkan muflis, mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka, atau tidak waras adalah TIDAK layak menyertai; dan/atau
 - (vi) Individu di bawah umur 18 tahun.

Kempen DuitNow Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan

Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan mewakili dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori orang/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah, Mekanik Kempen & Kriteria Penyertaan

6. Hadiah-hadiah berikut ("**Hadiah**") disediakan untuk pemenang-pemenang terpilih dalam Kempen ini:

Hadiah	Bilangan Penyertaan
Pulangan wang tunai RM888	100 pemenang

7. Para Peserta Yang Layak boleh mendapat penyertaan ("**Penyertaan**" atau "**Penyertaan-Penyertaan**" mengikut mana yang berkenaan) untuk memenangi Hadiah yang dirujuk dalam Klausa 6 dengan melakukan transaksi yang disenaraikan dalam jadual di bawah dan dengan cara yang dinyatakan di dalamnya melalui laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks:

Kriteria Penyertaan	Bilangan Penyertaan
Setiap Transaksi DuitNow pada jumlah minimum RM1 ke ID DuitNow yang unik setiap hari semasa Tempoh Kempen	1 penyertaan

ID DuitNow dianggap unik apabila Peserta Yang Layak memulakan Transaksi DuitNow ke ID untuk kali pertama pada hari tertentu. Transaksi DuitNow ke ID DuitNow yang sama pada hari yang sama tidak akan dianggap unik.

(selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Transaksi Layak**").

8. Transaksi DuitNow hendaklah bermaksud pemindahan yang dilakukan oleh Peserta Yang Layak dengan log masuk ke laman web CIMB Clicks (www.cimbclicks.com.my), atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks dan melakukan transaksi menggunakan DuitNow di bahagian 'Pay & Transfer' di laman web CIMB Clicks atau aplikasi mudah alih CIMB Clicks menggunakan mana-mana akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic Peserta Yang Layak yang berdaftar untuk kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks "Akaun Penyertaan".
9. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia).
10. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB tentang sama ada sebarang transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak adalah muktamad dan tidak akan dicabar dengan apa jua cara.

Terma-Terma Proses Pemilihan Pemenang & Hadiah

Kempen DuitNow

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan

11. Pada akhir Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak akan disenarai pendek secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah Penyertaan yang diperolehi dalam Tempoh Kempen ("Peserta Disenarai Pendek").
12. Peserta Yang Layak mesti mengekalkan sekurang-kurangnya satu ID DuitNow yang dipautkan ke akaun bank CIMB sepanjang Tempoh Kempen supaya layak untuk menang.
13. Peserta Disenarai Pendek akan dihubungi oleh CIMB melalui sistem pesanan ringkas (SMS) yang nombor telefon mudah alihnya didaftarkan dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, DiGi atau U Mobile yang dikekalkan dalam rekod CIMB.
14. Peserta Disenarai Pendek dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dalam masa terpantas dengan membalas SMS tersebut. Seratus (100) Peserta Disenarai Pendek pertama yang membalas dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas akan diisytiharkan sebagai pemenang ("Pemenang").
15. Untuk mengelakkan keraguan, hanya seratus (100) Peserta Disenarai Pendek pertama yang membalas dengan jawapan yang betul yang diterima oleh CIMB diambil kira. Tarikh akhir (iaitu tarikh dan masa) untuk menjawab soalan akan ditentukan dalam SMS. Sekiranya mana-mana Peserta Disenarai Pendek gagal menjawab soalan dengan betul dan/atau tidak membalas dalam tarikh akhir yang diberikan dan/atau tidak boleh dihubungi atas sebarang alasan, Peserta Disenarai Pendek akan hilang kelayakan atau dihapuskan peluang untuk memenangi Hadiah. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekiranya mana-mana Peserta Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi dengan apa jua cara.
16. Untuk mengelakkan keraguan, caj telekomunikasi piawai untuk respons SMS akan dikenakan dan akan ditanggung oleh Peserta Disenarai Pendek.
17. Ia adalah tanggungjawab Peserta Yang Layak untuk memastikan nombor telefon mereka yang disediakan adalah semasa dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami sekiranya nombor mudah alih Peserta Yang Layak dalam rekod CIMB adalah bukan semasa atau tidak betul.
18. Semua soalan dan jawapan akan dinilai dan ditentukan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim adalah muktamad dan terikat.
19. Peserta Yang Layak layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja di bawah Kempen ini.
20. Pada masa pemilihan Pemenang, akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic Pemenang terpilih (i) MESTI berada dalam kedudukan yang baik; dan (ii) MESTI TIDAK memungkir mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan/atau perjanjian yang mengawal akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic; dan (iii) MESTI TIDAK boleh dibatalkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah-perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuatkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, dilinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan sepertimana yang ditentukan

Kempen DuitNow Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan

oleh CIMB semasa Tempoh Kempen, jika tidak mereka akan dilucutkan daripada menyertai Kempen ini dan/atau menjadi Pemenang dalam Kempen ini.

21. CIMB akan memaklumkan Pemenang-Pemenang pada akhir Kempen melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB di www.cimbclicks.com.my atau melalui mel elektronik atau SMS ke nombor mudah alih Pemenang atau dengan sebarang cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
22. Pemenang-Pemenang akan menerima Hadiah dalam tempoh sepuluh (10) minggu selepas berakhirnya Tempoh Kempen.
23. Hadiah akan dikreditkan ke akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic Pemenang yang dipilih oleh CIMB. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah kepada akaun CIMB lain Pemenang.
24. Mana-mana Pemenang DuitNow ID dan akaun-akaun Semasa atau Simpanan CIMB atau CIMB Islamic telah ditutup, ditamatkan atau bertukar kepada bank lain sebelum mana-mana Hadiah telah dianugerahkan kepadanya di bawah Kempen ini tidak akan berhak menerima sebarang Hadiah di bawah Kempen ini.
25. CIMB Bank berhak untuk membatalkan Hadiah sekiranya terdapat pembalikan pembayaran bagi Transaksi Layak.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

26. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini dan juga telah memberi persetujuan kepada CIMB Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkenaan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan adalah muktamad, terikat dan konklusif.
27. Akaun Penyertaan Peserta Yang Layak (i) MESTI tidak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan DAN (ii) MESTI tidak boleh dibatalkan atau ditutup atau tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah-perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, dilinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan sepertimana yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen, dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Yang Layak akan dilucuthakkan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan.
28. CIMB Bank berhak atas budi bicara tunggalnya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirinya atau berpotensi memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
29. CIMB Bank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan barangan lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau

Kempen DuitNow

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan

menggantung Kempen ini dengan memberi notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang perlanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana orang lain untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada tindakan perlanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.

30. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa jua cara menanggung sebarang liabiliti atau tanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada mana-mana kewajipannya di sini, akibat secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan sebarang peralatan mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang tindakan "act of God" di luar kawalan munasabah CIMB Bank atau akibat daripada sebarang faktor dalam sifat force majeure di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
31. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak lain untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa jua sifat yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimana yang timbul, berhubung dengan penyertaan atau bukan penyertaan di dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada mana-mana kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS atau emel oleh Peserta Yang Layak melainkan perkara yang sama hendaklah timbul dari dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB Bank.
32. CIMB Bank berhak atas pemberian notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada secara penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Yang Layak tentang Pindaan akan dilakukan menurut budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau laman web CIMB Bank di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan mungkin akan diberikan di dalam notis itu sendiri atau mungkin diberikan kepada Peserta Yang Layak atas permintaan; atau dengan membuat iklan berkenaan dengan Pindaan tersebut di dalam satu surat khabar pilihan CIMB Bank atau melalui sebarang cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan tersebut akan dianggap mengikat Peserta Yang Layak dari tarikh notifikasi Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang ditetapkan oleh CIMB Bank di dalam notifikasi tersebut. Peserta Yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengeksekusi laman web CIMB Bank secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka adalah sentiasa dikemaskini dengan sebarang pertukaran atau variasi terma-terma dan syarat-syarat ini.
33. Tiada ganti rugi tunai atau dalam apa-apa bentuk akan diberikan kepada Peserta Yang Layak untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak sama ada

Kempen DuitNow

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan

secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pindaan, variasi, pemotongan, penambahan atau perubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini

34. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (sepertimana yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 32) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau perwakilan yang terkandung di dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perbankan Internet CIMB Click dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mengawal Akaun Penyertaan yang akan digunakan sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang terkandung di sini
35. Apa-apa pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Yang Layak yang berkaitan dengan Akaun Semasa atau Simpanan di bawah CIMB Islamic Bank akan diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Semasa atau Simpanan di bawah CIMB Islamic Bank.
36. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada pemakaian undang-undang, panduan-panduan, arahan-arahan, notis-notis, peraturan-peraturan semasa yang digubal dan/atau undang-undang bertulis yang lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB Bank berhubung kepada atau berkenaan dengan Kempen atau sebarang perkara di sini.
37. Sekiranya terdapat apa-apa kepingangan, konflik, kesamaran atau percanggahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di sini, sekiranya suatu permintaan dibuat oleh Peserta Yang Layak dan permintaan tersebut telah dicatat dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia daripada Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks telah dipilih oleh Peserta Yang Layak untuk mengawal operasi penggunaan CIMB Clicks Peserta Yang Layak, maka Terma-Terma dan Syarat-Syarat versi Bahasa Malaysia tersebut akan mengatasi yang lain.
38. Untuk maklumbalas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini, Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, melalui nombor-nombor telefon dan faksimile berikut (atau alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain yang boleh ditukar oleh CIMB Bank melalui notifikasi kepada Pelanggan Yang Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / Emel: cru@cimb.com